

JAWAPAN: YB DATUK SERI IR. Dr. WEE KA SIONG,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2013 sehingga 2016, Bahagian Kampung Baru, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM9,096,772.00 untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan di 23 buah Kampung Baru di negeri Melaka. Daripada jumlah ini, sebanyak RM7,199,022.00 telah diperuntukkan untuk projek-projek infrastruktur seperti menaiktaraf / membina jalan, longkang, pagar, tembok dan sebagainya. Manakala baki peruntukan sebanyak RM1,897,750.00 adalah untuk projek-projek ameniti sosial seperti menaiktaraf gelanggang, dewan orang ramai, balairaya, landskap dan lain-lain lagi. Projek-projek kemudahan infrastruktur dan ameniti sosial ini bertujuan mempertingkatkan akses penduduk kampung kepada kemudahan infrastruktur yang berkualiti, meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna dan untuk menggalakkan penduduk kampung menjalankan kegiatan sosial dan aktiviti kemasyarakatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, bagi tahun 2016, semua permohonan yang diterima telah dipertimbangkan dan diluluskan mengikut keperluan dan kesesuaian.

Sekian. Terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA

SOALAN : NO. 281

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar setiap universiti mengikut pecahan pelajar warganegara dan bukan warganegara, negara asal, tempoh masa pengajian, jantina, aliran pengajian, umur dan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang sama ada undang-undang universiti ataupun undang-undang negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2015, terdapat seramai 1,236,164 orang pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan dalam peringkat Diploma, Sarjana Muda dan setaraf, Sarjana, PhD dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, seramai 122,061 orang pelajar antarabangsa. Jumlah pelajar yang terlibat dengan kesalahan undang-undang universiti adalah sebanyak 0.25%.

Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa memandang berat terhadap aktiviti-aktiviti di kalangan pelajar universiti dan pelbagai langkah pencegahan telah dilaksanakan seperti pemantauan dan penguatkuasaan peraturan disiplin pelajar secara kolektif di semua pusat tanggungjawab, fakulti dan kolej kediaman secara berterusan. Manakala, pelaksanaan undang-undang di institusi tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara institusi untuk menentukan kaedah yang bersesuaian, bagi menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan menyalahi undang-undang. KPT juga dari semasa ke semasa menjalankan aktiviti penyeliaan serta pemantauan ke atas pelajar antarabangsa dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Namun, bagi kesalahan yang melibatkan kes melanggar undang-undang negara adalah di bawah bidang kuasa PDRM dan JIM.